

17 JAN 2000

Harris-Umno

SARAWAK TIDAK PATUT TERGESA-GESA TOLAK UMNO

KOTA KINABALU, 17 Jan (Bernama) -- Bekas Ketua Menteri Sabah dan ahli politik veteran Datuk Harris Salleh hari ini berkata Sarawak tidak sepatutnya tegesa-gesa menolak idea kemasukan Umno ke negeri itu.

"Sarawak tidak harus melihat siapa pemainnya. Ia patut melihat permainannya kerana politik adalah seni yang memungkinkan segala-galanya," kata beliau dalam satu kenyataan di sini.

Harris berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud bahawa hasrat bekas Menteri Pertahanan Datuk Abang Abu Bakar Mustapha yang juga bekas timbalan presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) untuk membawa Umno ke Sarawak adalah bertentangan dengan prinsip Barisan Nasional (BN).

Taib yang juga pengerusi BN Sarawak dan presiden PBB telah menyatakan bahawa Perdana Menteri dan Presiden Umno Datuk Seri Mahathir Mohammad telah banyak kali menyatakan bahawa PBB, parti utama BN negeri adalah seperti Umno di Sarawak.

Harris berkata adalah silap untuk mendakwa PBB adalah Umno di Sarawak.

"PBB bukan Umno dan Umno tidak mungkin menjadi PBB," katanya.

Harris berkata senario tempatan dan antarabangsa menunjukkan bahawa Umno memerlukan segala kekuatan yang boleh diperolehinya bagi melindungi kepentingan nasional dan negara ini sendiri.

"Dengan itu adalah perlu untuk menggabungkan bukan sahaja badan-badan perniagaan dan institusi kewangan yang besar tetapi juga parti-parti politik bagi mewujudkan barisan hadapan yang bersatu untuk menentang sebarang penceroboh," katanya.

Harris juga menyuarakan rasa terkejutnya mengenai dakwaan bahawa peluasan Umno ke Sarawak bertentangan dengan prinsip-prinsip BN dan Umno kerana langkah seperti itu adalah untuk kebaikan masyarakat dan negara secara keseluruhannya.

Menurut Harris, Umno dulu juga percaya bahawa ia adalah seperti Umno dan tidak perlu bagi Umno mengembang sayapnya ke Sabah.

"Akhirnya, Umno terpaksa mengakui bahawa ia tidak mampu melindungi kepentingan masyarakat yang diwakilinya dan menjemput Umno ke negeri itu," katanya.

Harris berkata kedua-duanya, Umno dan Sabah, menyedari bahawa tanpa Umno di Sabah, kestabilan politik di negeri itu tidak akan tercapai.

Dalam hal Sarawak, katanya, rakyat Sarawak harus dibenarkan membuat keputusan sama ada mereka mahukan Umno atau tidak.

"Dalam penilaian akhir, Malaysia adalah lebih penting daripada individu. Oleh itu kita mesti berusaha untuk mewujudkan sebuah negara Malaysia seperti yang diharapkan oleh para pengagasnya," katanya.

-- BERNAMA

HAK LAT